

## **KADAR BAYARAN LESEN**

1. Lesen Rumah Awam Kelas I  
-RM 660.00 (Setengah tahun)
2. Lesen Rumah Awam Kelas II  
-RM 480.00 (Setengah tahun)
3. Lesen Rumah Awam Kelas III  
-RM 330.00 (Setengah tahun)
4. Lesen Rumah Bir  
-RM 330.00 (Setengah tahun)
5. Lesen Arak Borong  
-RM 270.00 (Setengah tahun)
6. Lesen Arak Runcit  
-RM 210.00 (Setengah tahun)

## **SYARAT-SYARAT LESEN RUMAH AWAM KELAS I / II / III DAN RUMAH BIR**

Pemegang-pemegang Lesen Rumah Awam Kelas I / Kelas II / Rumah Bir Kelas I hendaklah mematuhi dengan sepenuhnya syarat-syarat yang dikenakan di bawah ini :-

1. Pemohon hendaklah :-
  - 1.1 Memiliki Lesen Cukai Perkhidmatan daripada Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Cawangan Cukai Dalaman.
  - 1.2 Menyelenggarakan Buku Stok Liquor dalam mana butir-butir lengkap mengenai penerimaan dan pengiriman liquor yang memabukkan dinyatakan dan dikemaskini tiap-tiap hari. (Seksyen 36 (1) Akta Eksais 1976; Perkara 8 dan 17, Peraturan -Peraturan Eksais (Penjualan Liquor yang memabukkan) 1977.
2. Papan Tanda / Iklan / Poster hendaklah mengikut peraturan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
3. Lampu dalam bangunan hendaklah dipasang dengan terang supaya mengenal antara satu dengan yang lain (easily identifiable.) Penggunaan lampu-lampu picit (torch light) adalah dilarang.
4. Alat Pemadam Api hendaklah mengikut syarat yang dikeluarkan oleh Pihak Bomba.
5. Lengkapkan dengan tanda arah pintu keluar / masuk dan kecemasan.
6. Perniagaan hendaklah tamat pada jam 10.00 malam / 12.00 tengah malam melainkan mendapat kelulusan lanjutan masa daripada Pengerusi, Lembaga, Pelesenan Daerah Batu Pahat.

7. Perabot dan peralatan-peralatan lain yang ditempatkan dalam premis jangan menghalang laluan ke pintu keluar dan pintu keluar kecemasan. Kerusi yang tinggi melebihi bahu tidak dibenarkan. (Sila kemukakan contoh gambar kerusi dan meja yang berkenaan). Satu salinan susunatur kerusi, meja, kedudukan pentas, kaunter baru dan pintu keluar masuk hendaklah dikemukakan ke Pejabat Daerah Batu Pahat.
8. Pelesen hendaklah mempamerkan dengan jelas di pintu masuk utama dan didalam premis satu notis pemberitahu berkaitan dengan perkara berikut :-

<p style="text-align: center;"><b>'NOTIS PEMBERITAHU'</b> <b>PELESEN DILARANG MENJUAL LIQUOR KEPADA SESEORANG YANG</b> <b>DIBAWAH UMUR 18 TAHUN</b></p> <p style="text-align: center;"><b>DENGAN PERINTAH,</b> <b>PENGERUSI LEMBAGA PELESENAN DAERAH</b> <b>BATU PAHAT</b></p>
--

9. Pelesen adalah dilarang menjual liquor kepada orang - orang Islam. Pelesen hendaklah memaparkan dipintu masuk dan didalam premis papan pemberitahu ditempat yang boleh dilihat oleh orang awam dengan perkataan " Dilarang menjual liquor kepada orang-orang Islam". Ukuran saiznya ialah 1/2 meter x 1/4 meter seperti di bawah :-

1/2 meter

<p style="text-align: center;"><b>'NOTIS PEMBERITAHU'</b> <b>DILARANG MENJUAL LIQUOR KEPADA</b> <b>ORANG-ORANG ISLAM.</b></p> <p style="text-align: center;"><b>DENGAN PERINTAH,</b> <b>PENGERUSI LEMBAGA PELESENAN DAERAH</b> <b>BATU PAHAT</b></p>	1/4 meter
--	-----------

10. Sekiranya pelesen menjual liquor kepada orang-orang Islam dan dibuktikan di Mahkamah Syariah di bawah Enakmen No.4 tahun 1997 - Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 kerana meminum liquor yang dijual oleh pelesen, maka Lembaga Pelesenan Daerah akan membatalkan Lesen Rumah Awam dan pelesen tidak dibenarkan memohon lesen Rumah Awam lagi.
11. Semua pekerja/pelayan yang bekerja didalam bangunan hendaklah berumur 21 tahun ke atas dan terdiri dari warganegara Malaysia.
12. Pekerja yang bukan waraganegara hendaklah mempunyai dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah.
13. Semua pekerja hendaklah diperiksa dan diakui 'Medically Fit' oleh Pegawai Kesihatan.

14. Pakaian pekerja hendaklah sesuai dan seragam (uniform).
15. Pekerja hendaklah sentiasa berbudi bahasa.
16. Sekiranya diluluskan Lesen Hiburan :-
  - 16.1 Semua muzik yang dimainkan samada berupa kaset, tayangan video (karaoke) 'one-man-show' atau kumpulan, pelesen hendaklah memastikan bunyinya tidak terlalu bising hingga mengganggu orang-orang awam di luar premis dan kawasan sekelilingnya.
  - 16.2 Sekiranya muzik berbentuk 'live' penyanyi atau pemain muzik hendaklah berpakaian kemas dan berkelakuan baik. Mereka mestilah terdiri dari warganegara Malaysia. Sekiranya bukan warganegara (foreigner) hendaklah mendapat dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah daripada Jabatan Imigresen (Professional Visit Pass to Perform As An Artist).
  - 16.3 Senikata lagu yang dimainkan / dipersembahkan tidak berunsur lucah dan menyentuh politik.
  - 16.4 Nama-nama dan gambar (photo) penyanyi dan pemain muzik yang membuat persembahan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Daerah Batu Pahat sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum persembahan diadakan.
  - 16.5 Persembahan tari menari tidak berunsur lucah dan pengambilan apa jua jenis dadah adalah dilarang sama sekali.
  - 16.6 Persembahan tari menari hendaklah tamat jam 12.00 tengah malam kecuali mendapat kelulusan lanjutan lesen tari menari daripada Pengurus Lembaga Pelesenan Daerah Batu Pahat.
17. Pelesen adalah bertanggungjawab melaporkan kepada Polis dengan serta merta apabila mengetahui ada sesuatu kejadian buruk / pergaduhan ataupun perkara - perkara jenayah atau kegiatan pengedaran dadah / pil estasy didalam premis.
18. Pelesen hendaklah sentiasa mempamerkan lesen-lesen berikut :-
  - i) Lesen Perniagaan
  - ii) Lesen Rumah Awam
  - iii) Lesen Hiburan Muzik (Live Band)
  - iv) Lesen Hiburan Tari Menari
  - v) Lesen Hiburan Karaoke
  - vi) Lesen Hiburan American Pooltable/Snooker/Billiard.

## **SYARAT-SYARAT LESEN ARAK BORONG**

Pemegang-pemegang Lesen Arak Borong hendaklah mematuhi dengan sepenuhnya syarat-syarat yang dikenakan di bawah ini :-

1. Lesen Arak Borong adalah sah bagi tempoh tidak kurang dari enam bulan mengikut bagaimana yang ditetapkan dalam lesen tersebut melainkan jika dibatalkan atau digantung terdahulu daripada itu.
2. Tidak dibenarkan menjual atau mengedarkan liquor di antara jam 9.00 malam hingga 7.00 pagi.
3. Tidak boleh membotol, mencampur, menyebati atau mengubah mana-mana liquor yang memabukkan samada di premis berlesen atau dimana-mana tempat lain.
4. Hendaklah mengedar dan menjual liquor kepada pelesen-pelesen kedai runcit sahaja.
5. Pelesen hendaklah menyimpan liquor yang memabukkan di dalam premis yang dilesenkan sahaja atau di premis lain yang dibenarkan oleh Lembaga Pelesen.
6. Pelesen dilarang menjual liquor secara borong kepada orang-orang Islam.

## **SYARAT-SYARAT LESEN ARAK RUNCIT**

Pemegang-pemegang Lesen Arak Runcit hendaklah mematuhi dengan sepenuhnya syarat-syarat yang dikenakan di bawah ini :-

1. Lesen Arak Runcit adalah sah bagi tempoh tidak kurang dari enam bulan mengikut bagaimana yang ditetapkan dalam lesen tersebut melainkan jika dibatalkan atau digantung terdahulu daripada itu.
2. Tidak dibenarkan menjual atau mengedarkan liquor diantara jam 9.00 malam hingga 7.00 pagi.
3. Tidak boleh membotol, mencampur, menyebati atau mengubah mana-mana liquor yang memabukkan samada di premis berlesen atau dimana-mana tempat lain.

4. Dilarang membenarkan pelanggan-pelanggannya meminum minuman liquor yang memabukkan didalam premis dan dikawasan persekitaran premis.
  
5. Pelesen hendaklah mempamerkan dipintu masuk dan didalam premisnya satu notis pemberitahu berkaitan dengan perkara berikut :-

**'NOTIS PEMBERITAHU'**  
**DILARANG MENJUAL LIQUOR YANG MEMABUKKAN**  
**KEPADА SESEORANG YANG DIBAWAH UMUR 18 TAHUN.**  
  
**DENGAN PERINTAH,**  
**PENGERUSI LEMBAGA PELESENAN DAERAH**  
**BATU PAHAT**

6. Pelesen adalah dilarang menjual liquor kepada orang-orang Islam. Pelesen hendaklah memaparkan dipintu masuk dan di dalam premis papan pemberitahu dengan jelas di tempat yang boleh dilihat oleh orang awam dengan perkataan "Dilarang menjual minuman liquor kepada orang-orang Islam. Ukuran saiznya ialah 1/2 m x 1/4 m seperti di bawah :-

1/2 meter

**'NOTIS PEMBERITAHU'**  
**DILARANG MENJUAL LIQUOR KEPADA**  
**ORANG-ORANG ISLAM.**  
  
**DENGAN PERINTAH,**  
**PENGERUSI LEMBAGA PELESENAN DAERAH**  
**BATU PAHAT**

1/4 meter

7. Sekiranya pelesen menjual liquor kepada orang-orang Islam dan dibuktikan di Mahkamah Syariah dibawah Enakmen No. 4 tahun 2007 kerana meminum liquor yang dijual oleh pelesen, maka Lembaga Lesen Daerah akan membatalkan lesennya dan pelesen berkenaan tidak dibenarkan memohon lesen arak runcit lagi.

**PENGERUSI,**  
**LEMBAGA PELESEN DAERAH**  
**BATU PAHAT**